

19 JUL 2001

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA COLOMBIA

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Colombia Andres Pastrana sempena hari ulangtahun kemerdekaan negara itu esok.

"Semoga hubungan persahabatan yang wujud antara Malaysia dan Colombia terus diperkukuhkan dan berkembang pada masa akan datang," kata Seri Paduka dalam satu perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan kepada Pastrana berharap keamanan dan keselamatan terus wujud di negara berkenaan.

"Marilah kita bekerja rapat untuk membawa pembangunan dan kemakmuran kepada rakyat melalui pertukaran lawatan serta memperbaiki hubungan ekonomi dan komersil," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga menghantar perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya Guillermo Fernandez de Soto.

-- BERNAMA

SLR RV LAT